

BUNUH



cemburu atau kecewa dari dalam diri seseorang pembunuh.

2. **Sakit jiwa** – Selalunya dikaitkan dengan pesakit skizofrenia yang melampau. Mereka mendakwa mendengar suara ghaib yang menyuruh mereka untuk melakukan sesuatu termasuk mencederakan diri atau melakukan pembunuhan, biasanya mereka yang ada penyakit ini tidak dapat membezakan antara fantasi dengan realiti.

3. **Gangguan Delusi** - Delusi berlaku apabila seseorang mudah merasa syak wasangka tidak berlandaskan kebenaran hingga akhirnya mencederakan orang lain yang berada di sekelilingnya.

Bagaimana ia boleh dielakkan

1. Tidak dinafikan kecekapan pihak polis membuat siasatan untuk mengesan penjenayah yang

sentuh apa-apa yang ada di tempat kejadian, sebaliknya terus membuat laporan polis.

2. Tengok keadaan sekeliling yang boleh membantu siasatan apabila polis tiba. Contoh, jika terlihat senjata di tempat kejadian, jangan alihkan sebaliknya tunggu ketibaan pihak polis.

3. Kawal keadaan sekitar tempat kejadian supaya orang lain tidak mengganggu atau usik tempat kejadian yang boleh merosakkan bahan bukti yang ada.

4. Sedia memberi bantuan kepada pihak polis yang ingin mendapatkan maklumat tentang kejadian atau maklumat yang anda ketahui tentang si mati.

Hukuman jenayah bunuh

1. **302 kanun Keseksaan** – Hukuman bagi kesalahan menyebabkan kematian dengan niat,

Seringkali terpampang di dada akhbar, kes pembunuhan sama ada melibatkan individu mahupun kumpulan, yang berlaku hampir setiap hari di persekitaran kita. Kejadian tersebut seolah-olah memberi gambaran bahawa nyawa manusia itu begitu murah untuk dihapuskan.

Mungkin kita terfikir bagaimana seseorang itu sanggup melakukan satu jenayah yang paling kejam itu. Bagi kita yang waras, hanya orang yang mempunyai masalah mental sahaja yang sanggup melakukannya, namun jangan terperanjat jika sebenarnya terdapat manusia waras melakukan jenayah itu.

Tidak dinafikan bahawa perlakuan tersebut sukar untuk dibendung, kerana agak mustahil terutama bagi pihak berkuasa untuk meramal, mengesan dan membaca hati serta perasaan seseorang yang hendak melakukan pembunuhan. Ini kerana pembunuh jarang menzahirkan sebarang bentuk hasrat dan niat mereka untuk membunuh, terutama modus operandi yang mereka gunakan.

Jika sebelum ini trend pembunuhan hanya berlatarkan senjata api atau senjata tajam, kini trend itu berubah dari semasa ke semasa sehingga kepada satu kaedah yang kita rasa tidak terfikir di minda.

Definisi Bunuh

Seksyen 300 Kanun Keseksaan mendefinisikan bunuh sebagai mematikan orang dengan cara yang salah.

Punca pembunuhan berlaku

Menurut Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner

Mohamad Mat Yusop, terdapat beberapa punca atau motif yang sering dikaitkan apabila berlakunya pembunuhan antaranya;

1. **Perselisihan faham** – Selalunya pemangsa tidak berniat untuk membunuh, bagaimanapun apabila perselisihan faham itu tidak dapat dileraikan, ia berlanjutan dan berakhir dengan kematian salah seorang daripada pihak yang berselisih faham.
2. **Dendam lama** – berlaku antara



individu dengan individu lain yang mungkin bergaduh sejak sekian lama, atau kepada pasangan suami isteri yang bercerai, tetapi salah satu pihak tidak berpuas hati dan akhirnya berlakunya pembunuhan apabila amarah tidak dapat dikawal.

3. **Pertelingkahan antara dua kumpulan**

4. **Rentetan kesalahan jenayah yang lain** – sebagai contoh kejadian samun bersenjata hingga keadaan yang menyebabkan sesuatu pembunuhan itu berlaku.

5. **Cemburu** – Kegagalan mengawal perasaan akan menyebabkan suatu tindakan yang negatif yang timbul. Kadang-kadang ia mengundang konflik yang tidak berkesudahan. Kegagalan mengawal emosi dan tingkah laku boleh mengundang tragedi pembunuhan. Ini kerana cemburu mampu mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tindakan seseorang.

Faktor-faktor berlakunya pembunuhan

Pembunuhan akan berlaku sekiranya pembunuh atau penjenayah terbabit mempunyai peluang, kemampuan dan keinginan untuk melakukan pembunuhan.

Jika salah satu faktor tersebut tidak wujud, maka kejadian bunuh tidak akan berlaku. Bagaimanapun terdapat faktor lain berlakunya pembunuhan antaranya;

1. **Tingkah laku agresif** – Pembunuh mempunyai niat untuk mencederakan seseorang sama ada yang dilakukan secara sedar atau tidak. Selalunya tingkah laku agresif terjadi apabila terbit rasa

terlibat dalam pembunuhan mampu mengurangkan sekali gus menghapuskan kejadian jenayah yang paling kejam ini. Untuk itu, kecekapan pihak berkenaan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar boleh mendatangkan rasa gerun kepada penjenayah.



2. Jika peluang yang diwujudkan mampu menjadi faktor berlaku kejadian bunuh, maka peluang itu harus dikurangkan terutama melibatkan wanita yang sering terdedah dengan kejadian jenayah yang boleh menjurus kepada perbuatan pembunuhan.

3. Sebuah masyarakat yang prihatin perlu diwujudkan, masyarakat perlu berganding bahu dengan pihak polis untuk memastikan persekitaran selamat dapat diwujudkan, tidak hanya bergantung kepada satu pihak untuk menjaga keselamatan.

4. Pendidik pencegahan jenayah perlu diamalkan.

Bagaimana saksi boleh membantu

1. Jika anda merupakan saksi utama satu pembunuhan, jangan

iaitu sesiapa yang melakukan pembunuhan tersebut, akan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

2. **304 Kanun Keseksaan** – Menyebabkan kematian yang membawa kepada hukuman penjara maksimum 30 tahun dan denda.

Kesan secara keseluruhan

1. Keluarga mangsa selalunya akan menderita dan sentiasa mengenang detik-detik bahagia bersama mangsa.

2. Keluarga pembunuh yang telah dijatuhkan hukuman, sering dihina dan dipulaukan orang ramai.

3. Jika berlakunya satu pembunuhan, ia menunjukkan tahap pemikiran masyarakat masih rendah dan tidak berupaya menyelesaikan masalah secara rasional.

Sumber: ACP Mohamad Mat Yusop, Polis Diraja Malaysia, www.yahoo.com